

DASAR PEMBANGUNAN WILAYAH DI KEDAH  
KES KAJIAN : KAWASAN KEDA

Oleh :

MUSTAFA BIN LEBAI AWANG

Dissertasi ini disediakan bagi memenuhi  
Sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan

ADVANCED DIPLOMA IN ESTATE MANAGEMENT

Jabatan Pengurusan Harta Tanah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi MARA  
SHAH ALAM

April, 1986.

## PSNGHARGAAN

Bagi menyiapkan disertasi ini sumbangan daripada orangramai, badan-badan tertentu dan orang perseorangan amat bennakna sekali bagi diri saya. Sesungguhnya tanpa bantuan dan sumbangan ini tidak raungkin saya dapat menyiapkan disertasi dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kepada semua yang terlibat, tiada pembalasan yang dapat saya berikan, semoga Allah akan merahraati mereka sepanjang masa.

Di sini saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Penyelia Utama disertasi ini, En. Shahrom Mohd. Ariffin yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, pandangan serta nasihat-nasihat yang berguna bagi menyiapkan disertasi ini sehingga sempurna.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua penduduk-penduduk MADA dan KEDA yang mana telah memberi kerjasama dalam kaji selidik yang dijalankan. Kerjasama dan budibaik yang telah diberikan oleh mereka telah meringankan kerja-kerja kaji selidik dan ianya amatlah dihargai.

Saya juga ingin merakam ribuan terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan, badan berkanun dan firma-firma yang telah

## SINOPSIS

Negeri Kedah adalah merupakan salah sebuah negeri yang termiskin di Malaysia. Pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini masih lagi jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain yang maju seperti Selangor, Pulau Pinane dan Perak. Hampir keseluruhan penduduk Negeri Kedah tinggal di kawasan-kawasan pertanian yang menjadi sumber utama pendapatan mereka. Kadar kemiskinan dan penghijrah penduduk keluar dari kawasan ini agak tinggi terutama bagi kawasan pendalaman.

Memandangkan hampir *80%* daripada jumlah penduduk adalah kaum bumiputra maka pihak kerajaan melalui program Dasar Ekonom'i Baru telah berusaha membawa masuk pembangunan di kawasan ini agar ia dapat dimajukan sepetimana wilayah-wilayah lain.

Dalam tahun 1972, Rancangan Pengairan Muda telah dilaksanakan bagi kawasan MADA khususnya penanam-penaham padi untuk meninggikan taraf hidup mereka dan ini telah membawa kepada beberapa perubahan yang baik.

Oleh kerana kawasan MADA meliputi hanya sepersepuluh daripada keluasan seluruh Negeri Kedah, maka sebahagian

besar rakyat dan kawasan lain tetap berada di dalam keadaan yang mundur dan cengkaman kemiskinan. Lantaran itu KEDA telah diujudkan pada tahun 1980 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi membangunkan wilayah KEDA (kawasan di luar MADA).

Matlamat yang dituju oleh KEDA ialah meninggikan taraf dan perubahan corak hidup serta pemberian persekitaran kehidupan masyarakat dan wilayah KEDA. Beberapa perancangan telah digubal dan strategi-strategi telah disusun bagi membangunkan wilayah KEDA meliputi bidang kemasyarakatan, teknikal, pertanian, perindustrian, perniagaan, perumahan, praswana sosial dan fizikal. Ini juga meliputi rancangan penubuhan pusat pertumbuhan desa yang mana merupakan satu unsur penting dalam pembangunan ekonomi bagi wilayah KEDA agar seimbang dengan wilayah-wilayah lain.

Bagi tujuan dissertation ini penulis telah membuat kaji selidik dan ka.ian yang mendalam mengenai rancangan pembangunan wilayah KEDA ini setelah 6 tahun ia dilaksanakan. Kajian dibuat meliputi aspek keadaan struktur sosio-ekonomi KEDA, MADA, perlaksanaan program, pencapaian dan masalah-masalah yang dihadapi.

Pada peringkat akhir dissertation ini beberapa masalah juga telah dikenal pasti dan beberapa cadangan juga telah dikemukakan bagi memperbaiki lagi perjalanan pentadbiran KEDA bagi memastikan ia dapat membangun sebagai wilayah yang maiu dan makmur.